

## **TERMA DAN SYARAT**

### **Penganjur & Kelayakan**

1. Peraduan "**Dekat lagi Murah, MyDebit dan Menang!**" ["**Peraduan**"] ini dianjurkan bersama oleh 99SPEEDMART Sdn Bhd 519537-X dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd 836743-D (dahulunya dikenali sebagai Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd) (pihak MyDebit) ["**Pihak Penganjur**"] dan terbuka kepada penduduk tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang mempunyai kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan ["**Peserta**"].
2. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
  - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
  - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau ejen promosi bagi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

### **Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan**

3. Peraduan ini akan berlangsung dari **01 Mei 2018 sehingga 08 Ogos 2018 jam 11:59PM** (Waktu Malaysia) ("**Tempoh Peraduan**"). Sebarang penyertaan yang diterima selepas dari waktu yang tersebut adalah ditolak dan tidak sah.
4. Perhatian: Semua penyertaan (slip transaksi) (transaksi mestilah menggunakan kad MyDebit atau ATM secara tanpa sentuh (*contactless*)) untuk Peraduan ini yang diterima di luar tempoh setiap Peraduan Hadiah Mingguan adalah tidak sah dan akan dibatalkan. Sebagai contoh: Slip transaksi Penyertaan bertarikh 09 Mei 2018 (di dalam Minggu 2 Peraduan Hadiah Mingguan) mesti dihantar pada atau sebelum 14 Mei 2018. Slip transaksi tersebut tidak lagi sah untuk penyertaan Minggu 3 Peraduan Hadiah Mingguan.
  - **Jadual Peraduan Hadiah Mingguan (14 minggu keseluruhan):**
    - **Minggu 1: 01 Mei – 07 Mei 2018**
    - **Minggu 2: 08 Mei – 14 Mei 2018**
    - **Minggu 3: 15 Mei – 21 Mei 2018**
    - **Minggu 4: 22 Mei – 28 Mei 2018**
    - **Minggu 5: 29 Mei – 04 Jun 2018**
    - **Minggu 6: 05 Jun – 11 Jun 2018**
    - **Minggu 7: 12 Jun – 18 Jun 2018**
    - **Minggu 8: 19 Jun – 25 Jun 2018**
    - **Minggu 9: 26 Jun – 02 Julai 2018**
    - **Minggu 10: 03 Julai – 09 Julai 2018**
    - **Minggu 11: 10 Julai – 16 Julai 2018**
    - **Minggu 12: 17 Julai – 23 Julai 2018**
    - **Minggu 13: 24 Julai – 30 Julai 2018**
    - **Minggu 14: 31 Julai – 08 Ogos 2018 (9 HARI)**
5. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.

6. Hanya pembelian bernilai RM15 dan ke atas di pasaraya 99SPEEDMART menggunakan kad MyDebit ("tanpa sentuh"/"contactless") sebagai mod pembayaran (mestilah dibuat di dalam Tempoh Peraduan ini dijalankan dan resit tersebut mestilah dicetak dengan jelas) layak diambil kira sebagai penyertaan yang sah (bagi peraduan mingguan seperti Jadual di atas) di dalam Peraduan ini ("**Bukti Pembelian**"). **Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM15 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan SATU (1) nombor siri.**
7. Peserta boleh menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi **WHATSAPP ("Mekanisme Peraduan")**
  - **Cara Penyertaan: Melalui aplikasi WhatsApp**
    - o Setiap penyertaan yang lengkap dan dikemukakan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
      - I. Ambil gambar SLIP TRANSAKSI MyDebit ("tanpa sentuh"/"contactless");
      - II. SIMPAN: SLIP TRANSAKSI (asal) dan juga RESIT PEMBELIAN 99 SPEEDMART (asal) sebagai bukti pembelian.
    - o Hantar penyertaan anda melalui telefon pintar menggunakan aplikasi WhatsApp ke nombor **010 215 7899**.
    - o Peserta akan mendapat balasan mesej (soalan peraduan, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 24 jam (pada hari bekerja).
    - o Peserta yang terpilih sebagai pemenang ("Pemenang") adalah diwajibkan untuk mengemukakan **slip transaksi MyDebit ("tanpa sentuh"/"contactless")** dan **resit asal 99 SPEEDMART** sebagai Bukti Pembelian sebelum penebusan hadiah boleh disempurnakan. Kegagalan membuat sedemikian akan mengakibatkan pembatalan kemenangan hadiah yang dimenangi oleh Peserta tersebut.
8. Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan. Setiap **SATU (1)** slip transaksi (**dengan pembelian RM15 dan ke atas menggunakan transaksi kad MyDebit ("tanpa sentuh"/"contactless")**) layak untuk **SATU (1)** penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peraduan akan **dibatalkan** jika slip transaksi yang sama digunakan lebih dari **SATU (1)** kali.
9. Setiap Peserta hanya layak untuk memenangi **SATU (1)** Hadiah Mingguan dan/atau SATU (1) Hadiah Utama sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
10. Ganjaran atau Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah yang diiklankan dengan hadiah yang sama nilai tanpa pemberitahuan terlebih dahulu atas budi bicara tunggal dan mutlakny. Pihak Penganjur, agensi, afiliasi, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
11. Peserta dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
12. Pemenang akan dipilih berdasarkan perkara berikut.
  - o Penyertaan yang lengkap menggunakan kad MyDebit ("tanpa sentuh"/"contactless"), dengan jawapan yang betul akan diambil kira sebagai penyertaan yang sah.
  - o Bagi pemilihan Pemenang (Hadiah Mingguan), jumlah nombor siri mingguan (sah) akan dibahagikan dengan jumlah hadiah mingguan yang diperuntukkan untuk pertandingan (mingguan) ini. Perhatian: Minggu 1 –

Minggu 13, jumlah hadiah mingguan ialah TUJUH (7) manakala untuk Minggu 14, hadiah mingguan ialah SEMBILAN (9).

- o Sebagai contoh (peruntukan untuk Minggu 1 ialah 7 hadiah mingguan), jika jumlah nombor bersiri mingguan (sah) adalah 1400, ini akan dibahagikan oleh 7. Peserta dengan nombor siri dalam gandaan 200, seperti nombor siri ke-200, ke-400, ke-600, ke-800 dan seterusnya akan disenarai pendek sebagai Pemenang peraduan hadiah mingguan tersebut.
- o Jika jumlah (selepas dibahagikan) membawa kepada nombor perpuluhan, nombor tersebut akan dibundarkan kepada jumlah bulat yang lebih rendah untuk memilih senarai pendek Pemenang pertandingan mingguan ("Peserta yang Terpilih").

### **Hadiah & Penebusan**

- **Hadiah Mingguan (jumlah keseluruhan 100 unit):**  
**iPhone X (64GB) x 1 Pemenang x 100 hari**
  - **Hadiah Utama Peraduan (jumlah keseluruhan 1 unit):**  
**SATU (1) buah kereta Volkswagen Passat 1.8 (Trendline) x 1 Pemenang**
  - Sejumlah satu ratus satu (101) hadiah untuk dimenangi.
  - Segala gambaran Hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan hadiah sebenar yang diterima.
  - Pemenang Hadiah Mingguan (jumlah 100 Pemenang / "**Finalis**") akan layak secara automatik ke acara akhir peraduan (untuk pemilihan Pemenang Hadiah Utama Peraduan). Finalis perlu menghadiri cabaran acara akhir yang akan berlangsung di kawasan Lembah Klang untuk penentuan Hadiah Utama Peraduan iaitu **SATU (1) buah kereta Volkswagen Passat 1.8 (Trendline)**. Segala perbelanjaan untuk menghadiri acara akhir ini adalah ditanggung oleh Finalis sendiri.
  - Hanya SATU (1) Pemenang akan memenangi Hadiah Utama tersebut. Terma dan syarat acara akhir akan diumumkan pada hari acara akhir tersebut.
13. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai pemilihan Pemenang dan Hadiah adalah muktamad, dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta adalah tidak dilayan.
14. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih melalui maklumat perhubungan yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
15. Sekiranya Peserta Yang Terpilih tidak dapat dihubungi selepas **TIGA kali percubaan setiap hari selama tiga hari berturut-turut** ((pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat). Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta dan Peserta seterusnya yang layak akan dipilih.
16. Semua Pemenang mesti menuntut hadiah mereka dalam tempoh **SATU (1) bulan** selepas dihubungi oleh pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan bukti identiti untuk menebus/menerima hadiah mereka.

17. Sekiranya Pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil Pemenang hendaklah membawa surat kebenaran yang ditandatangani oleh Pemenang bersertakan salinan MyKad Pemenang.
18. Pada upacara penyampaian hadiah, Pemenang (hadiah mingguan) yang berusia 18 tahun ke bawah perlu hadir dan ditemani oleh ibu bapa/penjaga.

### **Hak Pihak Penganjur**

19. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju Penganjur menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan dan publisiti di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan tanpa sebarang bayaran royalti atau pampasan kepada Pemenang.
20. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
21. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan; pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana individu yang mengganggu proses penyertaan dan/atau membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.
22. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau entri yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat-Syarat Peraduan ini.
23. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
24. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang dijelaskan di [www.99speedmart.com.my](http://www.99speedmart.com.my) atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
25. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma yang terkandung di [www.99speedmart.com.my](http://www.99speedmart.com.my) akan diguna pakai.
26. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur ["Agensi"] untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Promosi.

27. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang dibuat oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, ahli gabungan, ejen-ejen atau agensi peraduan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang tersebut.
28. Pihak Penganjur, sekutunya dan agensi Peraduan ini tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat atau atas sebarang kesilapan teknikal.

#### **Liabiliti dan Tanggungjawab**

29. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
30. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dikecualikan.
31. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pengadil dan bersetuju dengan terma-terma & syarat-syarat rasmi dan semua keputusan Pihak Penganjur.

#### **Perlindungan Data**

32. Dengan menyertai Peraduan ini dan pendedahan maklumat peribadi kepada Penganjur, Peserta dan Pemenang bersetuju Penganjur memproses maklumat peribadi Peserta dan Penganjur bersetuju untuk hanya menggunakannya bagi tujuan Peraduan ini dan melindungi maklumat tersebut seperti yang dinyatakan di bawah. Bahagian ini juga menggariskan hak Peserta mengenai perlindungan data, dan penerangan kepada Peserta bagi tujuan untuk menghubungi Penganjur.
33. Penganjur mungkin menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses data peribadi Peserta, di mana pihak ketiga tersebut haruslah tidak menggunakan data peribadi Peserta di dalam sebarang cara selain daripada apa yang dinyatakan di sini.
34. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
  - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan data peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat e-mel yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan data peribadi tersebut;
  - b. Hak untuk mendapatkan salinan data peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan

- c. Hak untuk membetulkan data peribadi yang tidak tepat.
35. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman web pihak Penganjur di <https://www.99speedmart.com.my> atau menghubungi talian pelanggan Penganjur di +603 7802 8928.
36. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan data peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan data peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

**[TAMAT]**